



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

GARIS
PANDUAN
PENGURUSAN
JENAZAH
PELAJAR

UNIVERSITI AWAM



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

GARIS
PANDUAN
PENGURUSAN
JENAZAH
PELAJAR

UNIVERSITI AWAM

Copyright © Nazarudin Zainun, Mohd Mukhwim Maghribi,
Raja Salwati Raja Othman, Fauziah Abdullah, 2018 Cetakan pertama, 2018

Hakcipta adalah terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) Aras 5, wNo.2 Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya.

Diterbitkan Oleh:

Penerbit

Jabatan Pendidikan Tinggi

Bahagian Pembangunan Mahasiswa,

Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) Aras 5, No.2 Menara 2,

Jalan P5/6 Presint 5,

62200 W.P Putrajaya

Dicetak Oleh:

Visual Print Sdn Bhd

No 47, 47-1 Jalan Damai Raya 1

Alam Damai

56000 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR

UNIVERSITI AWAM

KETUA EDITOR
NAZARUDIN ZAINUN

EDITOR
MOHD MUKHWIM MAGHRIBI • RAJA SALWATI RAJA OTHMAN
• FAUZIAH ABDULLAH



KATA PENGHARGAAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala pujian ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat dan limpah kurniaNya penerbitan Buku Panduan Pengurusan Jenazah Pelajar Universiti Awam ini dapat direalisasikan.

Aspek pengurusan jenazah merupakan satu perkara yang perlu difahami dan dipelajari oleh semua pihak lantaran kematian merupakan satu perkara yang pasti berlaku. Justeru itu, pengurusan dan pengendalian kematian pelajar perlu dilaksanakan dengan cekap dan tepat bagi melancarkan proses penerimaan maklumat di semua peringkat bermula daripada pelaporan kematian sehingga ke kepada urusan dengan waris pelajar.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada warga kerja sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di atas hasil usaha yang gigih ini. Diharapkan agar usaha murni ini bukanlah yang terakhir malahan sebagai pengorak langkah ke arah penerbitan sebegini pada masa yang akan datang.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan khususnya buat pegawai pelaksana Universiti Awam seluruh Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan buku ini.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)

**KATA PENGHARGAAN
PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN MAHASISWA**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Garis Panduan Pengurusan Jenazah Pelajar Universiti Awam telah dapat dihasilkan dengan jayanya. Diharapkan buku ini dapat diguna dan dimanfaatkan oleh semua Universiti Awam (UA) untuk memudahkan pengendalian dan pengurusan kematian pelajar di dalam mahupun luar negara.

Urusan pengendalian kematian dan pengurusan jenazah pelajar merupakan perkara yang amat penting dan perlu dititikberatkan oleh semua pihak. Ianya dapat digunakan untuk membantu pihak pentadbir UA dalam mengendalikan pengurusan jenazah pelajar dengan lebih sistematik dan teratur disamping dapat membantu pihak universiti untuk berurusan dengan pihak-pihak yang terlibat dalam urusan pengendalian jenazah berkenaan.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan buku ini. Semoga buku ini dapat dijadikan bahan rujukan oleh semua pihak seterusnya dapat memacu universiti dan organisasi ke tahap yang lebih cemerlang.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Prof. Madya Dr. Sopian bin Bujang

Pengarah

Bahagian Pembangunan Mahasiswa

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)



SEUNTAI KATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita menerbitkan sebuah Buku Garis Panduan Pengurusan Jenazah Pelajar, Universiti Awam yang boleh dimanfaatkan untuk semua Universiti Awam bagi pengurusan kes kematian pelajar di dalam dan luar negara.

Tahniah dan syabas kepada jawatankuasa pelaksana bengkel yang telah menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi bagi menghasilkan sebuah penerbitan yang amat bernilai ini. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga, ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang telah memberikan sokongan untuk menghasilkan naskah ini. Demi memberikan perkhidmatan kebajikan pelajar kelas pertama, kesemua ahli jawatankuasa yang melibatkan dua puluh buah Universiti Awam telah sepakat dalam menghasilkan naskah ini dengan harapan dapat memberikan satu panduan dan dapat menghasilkan tindakan yang selari dalam pelaksanaan kerja di semua Universiti Awam.

Akhir kata, adalah diharapkan naskah ini boleh dijadikan satu titik permulaan untuk penghasilan naskah-naskah lain yang boleh diseragamkan untuk kegunaan semua pentadbir Universiti Awam dalam pengurusan pelajar. Melalui beberapa gerak kerja dan pertemuan dengan para pegawai daripada Universiti-universiti Awam yang telah dilalui, satu kesepakatan kerjasama juga telah dijalin antara semua Universiti Awam dalam memberikan perkhidmatan kebajikan kepada pelajar. Jalinan kerjasama ini diharapkan dapat berterusan dan semua Universiti Awam saling bekerjasama antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.

Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein Pengerusi

Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)
Universiti Awam (UA)

KANDUNGAN

GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR UNIVERSITI AWAM

BAB 1 PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR MALAYSIA YANG MENINGGAL DUNIA DI DALAM NEGARA SEMASA AKTIVITI RASMI UNIVERSITI ATAU PERIBADI	1
1.1 Pelajar Islam Meninggal Dunia di Kawasan Universiti	2
1.2 Pelajar Berasal dari Sabah atau Sarawak Meninggal Dunia di Semenanjung Malaysia atau Sebaliknya	4
1.3 Pelajar Meninggal Dunia di Negeri Lain Selain dari Negeri Bermastautin Pelajar atau Negeri Universiti Pelajar	6
1.4 Pelajar Bukan Islam Meninggal Dunia di Kawasan Universiti	8
BAB 2 PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR MALAYSIA YANG MENINGGAL DUNIA DI LUAR NEGARA SEMASA AKTIVITI RASMI UNIVERSITI ATAU PERIBADI	10
2.1 Pengurusan Jenazah Pelajar Malaysia yang Meninggal Dunia di Luar Negara Semasa Aktiviti Rasmi Universiti atau Peribadi	11
A. Sebelum jenazah dibawa pulang ke Malaysia	11
B. Jenazah dibawa pulang ke Malaysia	12
C. Selepas jenazah tiba di Malaysia	12
D. Jenazah dikebumikan di negara berkenaan	13
E. Pihak keluarga pelajar	13

BAB 3 PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR ANTARABANGSA YANG MENINGGAL DUNIA DALAM NEGARA SEMASA AKTIVITI RASMI UNIVERSITI	15
3.1 Kematian Pelajar Antarabangsa di dalam Negara Semasa Aktiviti Rasmi Universiti atau Peribadi	16
A. Sekiranya Jenazah dikebumikan di Malaysia	16
B. Sekiranya Jenazah dikebumikan di negara asal Si mati	17
C. Urusan selepas pengebumian	17
BAB 4 PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR ANTARABANGSA YANG MENINGGAL DUNIA DI LUAR NEGARA (BUKAN NEGARA ASAL) SEMASA AKTIVITI RASMI UNIVERSITI ATAU PERIBADI	19
4.1 Kematian Pelajar Antarabangsa di Luar Negara (Bukan Negara Asal) Semasa Aktiviti Rasmi Universiti atau Peribadi	20
LAMPIRAN 1 Direktori Syarikat Pengurusan Jenazah di Malaysia	23
LAMPIRAN 2 Bahagian Konsular Wisma Putra dan Senarai Kedutaan Asing di Malaysia	24
LAMPIRAN 3 Contoh Surat Ucapan Takziah Versi Bahasa Melayu	26
LAMPIRAN 4 Contoh Surat Ucapan Takziah Versi Bahasa Inggeris	28
LAMPIRAN 5 Contoh Dokumen dan Borang Permohonan Ke Luar Negara	30
PENUTUP	34
GLOSARI	35

PRAKATA

Garis Panduan Pengurusan Jenazah Pelajar, Universiti Awam (UA) merupakan satu usaha menyeluruh bagi membantu Pentadbir di Universiti Awam (UA) untuk menguruskan kematian pelajar sama ada kematian tersebut berlaku di premis UA tersebut atau di luar premis.

Hasrat penghasilan buku ini adalah rentetan daripada Bengkel ‘Standard Operating Procedure Pengurusan Jenazah Pelajar’ yang telah diadakan pada 20 hingga 22 Januari 2017. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh pegawai yang bertanggungjawab untuk menguruskan kematian pelajar di UA masing-masing. Para peserta didedahkan dengan maklumat penting oleh penceramah jemputan dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sebuah agensi pengurusan jenazah iaitu Syarikat Mykhairat Management Sdn. Bhd.

Secara ringkasnya, buku panduan ini mengandungi empat (4) bab yang membincangkan secara terperinci perkara yang perlu diperhalusi ketika kematian tersebut berlaku tanpa mengambil kira sebab-sebab yang menyumbang kepada kematian tersebut. Bab pertama (1) adalah merujuk kepada perbincangan bagi kes kematian pelajar Malaysia di dalam negara (Malaysia). Dalam bab kedua (2) pula membincangkan kematian pelajar Malaysia di luar negara. Manakala bab ketiga (3) pula membincangkan kes kematian pelajar antarabangsa di Malaysia. Bab empat (4), adalah bab terakhir yang membincangkan kematian pelajar antarabangsa di luar negara selain daripada negara bermastautin pelajar tersebut.

Adalah diharapkan dengan terbitnya buku panduan ini akan dapat melancarkan segala urusan yang berkaitan dengan kematian pelajar pada masa hadapan. Melalui kesepakatan bersama-sama yang tercermin dalam kandungan buku ini, maka adalah diharapkan semua UA dapat menyeraskan tindakan sesuai dengan panduan yang diberi secara terancang dan seragam.

BAB 1


**PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR MALAYSIA YANG
MENINGGAL DUNIA DI DALAM NEGARA SEMASA
AKTIVITI RASMI UNIVERSITI ATAU PERIBADI**

1.1 Pelajar Islam Meninggal Dunia di Kawasan Universiti

1. Pelajar atau saksi yang ternampak atau mengetahui maklumat berhubung kes kematian harus menghubungi pihak Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA/ HEMA/ HEP).
2. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP akan mengesahkan status pelajar (pelajar berdaftar) yang meninggal dunia kemudian melantik seorang pegawai bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal selanjutnya.
3. Memaklumkan kematian kepada Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPMs) Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).
4. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP atau wakil universiti memaklumkan kepada keluarga si mati atau waris.
5. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP atau wakil universiti menguruskan dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menghantar jenazah ke hospital berdekatan.
6. Pihak (HEPA/ HEMA/ HEP) akan menguruskan dengan pihak hospital (forensik) bagi urusan bedah siasat, mandi dan kafankan jenazah setelah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada waris menerusi telefon. Setelah selesai di bahagian forensik, pihak forensik akan mengeluarkan permit penguburan.
7. Pegawai memberi atau menyediakan wang sumbangan/ khairat kematian dan surat takziah yang akan diberikan kepada keluarga si mati (Penyerahan wang sumbangan ini biasanya diatur supaya diserahkan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni universiti masing-masing).
8. Menunggu pihak waris sampai ke hospital. Sekiranya tiada, pegawai (HEPA/ HEMA/ HEP) akan memperkenalkan diri sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan jenazah seperti yang dipersetujui waris.
9. Keluarga si mati akan membuat bayaran bagi pengurusan mandi dan kafan kepada pihak hospital. Wang bayaran akan diambil daripada wang sumbangan (Tabung Kebajikan Universiti/ Khairat Kematian).
10. Menguruskan penginapan waris jika perlu.
11. Menguruskan van jenazah dan pemandu (Masjid/ Pusat Islam).
12. Menguruskan dengan orang bertanggungjawab untuk solat jenazah sebelum jenazah dihantar ke lokasi pengebumian.
13. Kemaskini maklumat si mati.
14. Menguruskan tuntutan insuran jika berkaitan.

Carta Alir 1.1

Pelajar Islam Meninggal Dunia di Kawasan Universiti




Carta Alir 1.1

Pelajar Islam Meninggal Dunia di Kawasan Universiti

1.2 Pelajar Berasal Dari Sabah atau Sarawak Meninggal Dunia di Semenanjung Malaysia atau Sebaliknya

1. Pelajar atau saksi yang ternampak atau mengetahui maklumat berhubung kes kematian harus menghubungi pihak Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA/ HEMA/ HEP).
2. Mendapatkan maklumat dan mengesahkan status pelajar tersebut berasal dari Sabah/ Sarawak/ Semenanjung Malaysia.
3. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP seterusnya akan melantik pegawai bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
4. Memaklumkan kematian kepada Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPMs) JPT dan pengurusan tertinggi Universiti.
5. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP atau wakil universiti memaklumkan kepada waris si mati dan mendapatkan persetujuan untuk proses pengurusan jenazah melalui telefon.
6. Pada masa yang sama pegawai bertanggungjawab akan bertindak ke lokasi kejadian dan menguruskannya dengan pihak PDRM untuk menghantar jenazah ke hospital berdekatan.
7. Menguruskan dengan pihak forensik di hospital bagi urusan bedah siasat, mandi dan kafankan jenazah.
8. Mendapatkan perkhidmatan agen pengurusan jenazah untuk urusan pengawetan dan proses penghantaran jenazah melalui kargo.
9. Menunggu pihak waris sampai ke hospital, jika tiada, pegawai bertanggung jawab akan memperkenalkan diri sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan jenazah seperti yang dipersetujui waris. Pegawai yang bertanggung jawab juga perlu menguruskan penginapan waris jika perlu.
10. Keluarga si mati akan membuat pembayaran bagi pengurusan jenazah. Wang bayaran boleh diambil daripada wang sumbangan (Tabung Kebajikan Universiti/ Khairat Kematian).
11. Solat jenazah dan pengurusan pengangkutan untuk kelapangan terbang akan dilakukan oleh Pusat Islam UA atau oleh agen sekiranya telah dilantik.
12. Memberi atau menyediakan wang sumbangan/ khairat kematian dan surat takziah yang akan diberikan kepada keluarga si mati. (Penyerahan wang sumbangan ini biasanya diatur supaya diserahkan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni universiti masing-masing atau wakilnya).
13. Menghubungi pihak bendahari untuk pembayaran agen dan pembelian tiket kapal terbang serta penginapan pegawai pengiring (jika perlu).
14. Wakil HEPA/ HEMA/ HEP mengiringi jenazah ke Sabah/ Sarawak/ Semenanjung Malaysia atau mendapatkan bantuan UA terdekat dengan lapangan terbang untuk menyambut ketibaan jenazah.
15. Jenazah diserahkan kepada waris di lapangan terbang utama mengikut perkhidmatan yang disediakan oleh pihak agen.
16. Urusan penghantaran jenazah daripada lapangan terbang utama di Sabah/ Sarawak/ Semenanjung Malaysia ke rumah si mati adalah tanggungjawab keluarga

Carta Alir 1.2
Pelajar Berasal dari Sabah atau Sarawak Meninggal Dunia di
Semenanjung Malaysia atau Sebaliknya



si mati atau mendapatkan bantuan daripada rakan UA yang paling hampir.

17. Menguruskan tuntutan insuran jika berkaitan.

1.3 Pelajar Meninggal Dunia di Negeri Lain Selain dari Negeri Bermastautin Pelajar atau Negeri Universiti Pelajar

1. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP Universiti di mana si mati berdaftar mendapat maklumat kematian pelajar di negeri lain. (selain negeri universiti si mati berdaftar)

2. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP akan membuat pengesahan status pelajar yang meninggal dunia.

3. Memaklumkan kematian kepada Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPMs) JPT dan pengurusan tertinggi Universiti.

4. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP atau wakil universiti memaklumkan kepada keluarga si mati atau waris.

5. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP menghubungi HEPA/ HEMA/ HEP UA yang berdekatan dengan lokasi si mati sekiranya perlu (*).

Mulai langkah ini, HEPA/ HEMA/ HEP UA yang terdekat akan membantu menguruskan langkah seterusnya

UA yang menguruskan jenazah akan membuat tuntutan kepada Universiti yang meminta bantuan

6. UA yang diminta bantuan melantik seorang pegawai yang akan menguruskan dengan pihak polis untuk menghantar jenazah ke hospital berdekatan.

7. Menguruskan dengan pihak forensik hospital bagi urusan bedah siasat, mandi dan mengafankan jenazah, setelah mendapat kebenaran serta persetujuan daripada waris.

8. Menunggu pihak waris sampai ke hospital, sekiranya tiada, pegawai yang bertanggungjawab akan memperkenalkan diri sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan jenazah seperti yang dipersetujui waris.

9. Keluarga si mati akan membuat bayaran bagi pengurusan mandi dan kafan kepada pihak hospital. Sekiranya perlu pegawai bertanggungjawab boleh membuat pembayaran dahulu dan boleh membuat tuntutan kepada Universiti yang meminta bantuan tersebut kemudian.


10. Menguruskan penginapan pihak waris jika perlu.

11. Menguruskan van jenazah dan pemandu (Masjid/ Pusat Islam/ Hospital).

12. Menguruskan solat jenazah (Pusat Islam) sebelum jenazah dihantar ke lokasi pengebumian.

13. Menguruskan tuntutan insuran jika berkaitan


Carta Alir 1.3
Pelajar Meninggal Dunia di Negeri Lain
Selain dari Negeri Bermastautin Pelajar atau Negeri Universiti Pelajar



1.4 Pelajar Bukan Islam Meninggal Dunia di Kawasan Universiti

1. Pelajar atau saksi yang ternampak atau mengetahui maklumat berhubung kes kematian harus menghubungi pihak Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA/ HEMA/ HEP).
2. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP akan mengesahkan status pelajar (pelajar berdaftar) yang meninggal dunia kemudian melantik seorang pegawai bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal selanjutnya.
3. Memaklumkan kematian kepada Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPMs) JPT dan pengurusan tertinggi Universiti.
4. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP atau wakil universiti memaklumkan kepada keluarga si mati atau waris.
5. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP atau wakil universiti menguruskan dengan pihak PDRM untuk menghantar jenazah ke hospital berdekatan.
6. Pihak (HEPA/ HEMA/ HEP) akan menguruskan dengan pihak hospital (forensik) bagi urusan bedah siasat dan menguruskan jenazah setelah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada waris. Setelah selesai di bahagian forensik, pihak forensik akan mengeluarkan permit penguburan.
7. Pegawai memberi atau menyediakan wang sumbangan/ khairat kematian dan surat takziah yang akan diberikan kepada keluarga si mati (Penyerahan wang sumbangan ini biasanya diatur supaya diserahkan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni universiti masing-masing).
8. Menunggu pihak waris sampai ke hospital. Sekiranya tiada, pegawai HEPA/ HEMA/ HEP akan memperkenalkan diri sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan jenazah seperti yang dipersetujui waris.
9. Keluarga si mati akan membuat bayaran bagi pengurusan jenazah kepada pihak hospital dan agen yang dilantik (jika perlu). Wang bayaran akan diambil daripada wang sumbangan (Tabung Kebajikan Universiti/ Khairat Kematian).
10. Menguruskan penginapan waris jika perlu.
11. Menguruskan tuntutan insuran jika berkaitan.

Carta Alir 1.4
Pelajar Bukan Islam Meninggal Dunia di Kawasan Universiti



BAB 2

**PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR TEMPATAN YANG
MENINGGAL DUNIA DALAM NEGARA SEMASA
AKTIVITI RASMI UNIVERSITI ATAU PERIBADI**

2.1 Pengurusan Jenazah Pelajar Malaysia yang Meninggal Dunia di Luar Negara Semasa Aktiviti Rasmi Universiti atau Peribadi

A. Sebelum jenazah dibawa pulang ke Malaysia

1. Universiti menerima maklumat kematian.
2. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP akan mengesahkan status pelajar (pelajar berdaftar) yang meninggal dunia kemudian melantik seorang pegawai bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal selanjutnya.
3. Memaklumkan kematian kepada Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPMs) JPT.
4. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP atau wakil universiti memaklumkan kepada waris dan pengurusan tertinggi universiti :-
 - Timbalan Naib Canselor, HEPA/ HEMA/ HEP & Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
 - Pengarah/ Rektor Kampus Cawangan
 - Dekan Fakulti
 - Pengetua Kolej/ Penggawa Desasiswa
 - Jabatan Keselamatan
 - Pusat Kesihatan Universiti
5. Pegawai bertanggungjawab menghubungi Wisma Putra/ Kedutaan Malaysia/ Pejabat Education Malaysia bagi membantu pengurusan jenazah.
6. Pegawai bertanggungjawab menghubungi Alumni/ mana-mana IPT luar negara yang mempunyai MoU/ MoA dengan Universiti untuk membantu menguruskan jenazah.
7. Pegawai bertanggungjawab menghubungi mana-mana agen pengurusan jenazah yang dilantik sebagai panel oleh Universiti.
8. Pegawai bertanggungjawab mendapatkan keputusan keluarga sama ada :
 - a. Mereka mahu pergi ke negara berkenaan atau tidak. ‘Sekiranya memilih untuk pergi, perbelanjaan adalah di bawah tanggungan sendiri’.
 - b. Jenazah akan dikebumikan di negara berkenaan atau dibawa pulang ke Malaysia.
9. Pegawai HEPA/ HEMA/ HEP bersama-sama keluarga si mati atau secara berasingan berangkat ke negara berkenaan.
10. Pegawai berkenaan perlulah memaklumkan kepada pihak universiti perkembangan terkini dari semasa ke semasa.
11. Mengemukakan dokumen kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mendapatkan surat pengesahan kemaskini kematian di luar negara atau sijil pengebumian.
 - a. Dokumen Kementerian Kesihatan dari negara berkenaan
 - b. Sijil Kematian dari negara berkenaan
 - c. Pengesahan dari kedutaan Malaysia

B. Jenazah dibawa pulang ke Malaysia

Pegawai berkenaan/ agen yang dilantik bertanggungjawab menguruskan hal-hal berikut

1. Menghubungi Kedutaan Malaysia/ Pejabat Education Malaysia di negara berkenaan.
2. Menghubungi agen pengurusan jenazah di negara berkenaan.
3. Memaklumkan kepada Universiti tarikh/ hari/ masa penerbangan pulang dan nombor penerbangan.
4. Menyiapkan dokumen:
 - Dokumen Kementerian Kesihatan dari negara berkenaan
 - Sijil Kematian dari negara berkenaan
 - Pengesahan dari kedutaan Malaysia
 - Urusan mengawet jenazah
 - Dapatkan kelulusan kastam untuk urusan kargo
 - Urusan bayaran kargo (tiket).
 - Menghantar jenazah ke lapangan terbang
5. Mengiringi jenazah pulang ke Malaysia, jika tiada, pegawai HEPA/ HEMA/ HEP sebagai pengiring.
6. Mengurus dokumen mengeluarkan jenazah/ mayat daripada bahagian pengurusan kargo lapangan terbang.
7. Membantu mengatur sesi pembukaan keranda untuk tatapan terakhir ahli keluarga terdekat di lapangan terbang (jika perlu)
8. Menyerahkan pengurusan jenazah kepada pihak Universiti.
9. Menyerahkan wang perlindungan takaful kemalangan kepada waris si mati (jika berkaitan)

C. Selepas jenazah tiba di Malaysia

1. Maklumkan kepada Pengurusan Tertinggi Universiti
 - a. TNC HEPA/HEMA/HEP (memaklumkan kepada Naib Canselor)
 - b. Pengarah/ Rektor Kampus cawangan
 - c. Dekan Fakulti
 - d. Pengetua Kolej/ Penggawa Desasiswa
 - e. Jabatan Keselamatan
 - f. Pusat Kesihatan Universiti
2. Kementerian Kesihatan negara berkenaan mengeluarkan pengesahan jenazah untuk dibawa balik.

3. Kementerian Kesihatan Malaysia menerima surat dari Kementerian Kesihatan negara berkenaan (jika perlu) dan memaklumkan kepada agen penerimaan surat berkenaan.
4. Menyediakan van jenazah dari lapangan terbang ke kediaman/ tanah perkuburan.
5. HEMA/ HEP wakil universiti hadir semasa pengebumian/ kremasi.
6. Menyerahkan sumbangan wang kebajikan/ khairat dan surat takziah kepada waris/ keluarga si mati.
7. Perihal pengurusan jenazah tamat.
8. Jabatan Pendaftaran Negara mengeluarkan surat pengesahan kemaskini kematian luar negara/ sijil pengebumian
9. Menguruskan tuntutan insuran jika berkaitan.


D. Jenazah dikebumikan di negara berkenaan

1. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada keluarga atau waris si mati.
2. Berurusan dengan Kedutaan Malaysia/ Pejabat Education Malaysia di negara berkenaan.
3. Berurusan dengan agen pengurusan jenazah di negara berkenaan.
4. Menguruskan dokumen (surat pengesahan kemaskini kematian luar negara dari JPN).
5. Menghantar semua dokumen berkaitan kepada Universiti/ waris si mati.
6. Menyerahkan wang perlindungan takaful kemalangan kepada waris si mati (jika berkaitan).

E. Pihak keluarga pelajar

1. Menerima berita kematian.
2. Membuat keputusan sama ada jenazah mahu dikebumikan/ kremasi di negara berkenaan atau dibawa balik ke Malaysia.
3. Membuat keputusan sama ada akan pergi ke negara berkenaan atau menunggu jenazah di lapangan terbang.
4. Memaklumkan kepada qariah dan membuat persiapan pengurusan pengebumian/ kremasi.

Carta Alir 2.1
Pengurusan Jenazah Pelajar Tempatan Meninggal Dunia di Luar Negara
Semasa Aktiviti Rasmi Universiti atau Peribadi



BAB 3

**PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR ANTARABANGSA
YANG MENINGGAL DUNIA DALAM NEGARA SEMASA
AKTIVITI RASMI UNIVERSITI ATAU PERIBADI**

3.1 Kematian Pelajar Antarabangsa di Dalam Negara Semasa Aktiviti Rasmi Universiti atau Peribadi

1. Universiti menerima maklumat kematian.
2. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP akan mengesahkan status pelajar (pelajar berdaftar) yang meninggal dunia kemudian melantik seorang pegawai bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal selanjutnya.
3. Memaklumkan kematian kepada Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPMs) JPT.
4. Pegawai bertanggungjawab memaklumkan kepada waris si mati dan pengurusan tertinggi universiti :
 - a. Timbalan Naib Canselor, HEPA/ HEMA/ HEP & Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
 - b. Pengarah/ Rektor Kampus Cawangan
 - c. Dekan Fakulti
 - d. Pengetua Kolej/ Penggawa Desasiswa
 - e. Jabatan Keselamatan
 - f. Pusat Kesihatan Universiti
5. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP menyediakan kemudahan hospitaliti seperti penginapan dalam universiti, makanan dan pengangkutan (tidak termasuk tiket penerangan), jika waris datang ke Malaysia. (tertakluk kepada maksimum 7 hari/ sehingga selesai proses pengurusan jenazah (mana yang lebih awal).
6. Pegawai bertanggungjawab berada di lokasi jenazah (samada di lokasi kematian/ hospital).
7. Pegawai bertanggungjawab perlu menghubungi kedutaan untuk tujuan pengesahan kerakyatan si mati.

A. Sekiranya jenazah dikebumikan di Malaysia

1. Pihak HEPA/HEMA/HEP atau wakil universiti menguruskan dengan pihak PDRM untuk menghantar jenazah ke hospital berdekatan serta mengeluarkan laporan.
2. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP akan menguruskan dengan pihak hospital (forensik) bagi urusan bedah siasat dan mengeluarkan surat pengesahan kematian.
3. Pegawai bertanggungjawab perlu mendapatkan pengesahan daripada waris bagi lokasi pengebumian samaada di Malaysia atau jenazah dihantar pulang ke negara asal.
4. Setelah itu pegawai bertanggungjawab akan mendapatkan permit penguburan di Balai Polis berdekatan.
5. Pegawai bertanggungjawab menghubungi agen pengurusan jenazah. Pegawai bertanggungjawab mendapatkan ‘undertaking letter’ daripada Jabatan Bendahari untuk diberikan kepada agen (jika perlu).

6. Pegawai bertanggungjawab HEPA/ HEMA/ HEP akan menentukan tanah perkuburan untuk urusan pengebumian.
7. Pihak HEPA/ HEMA/ HEP bersama Pusat Islam menguruskan penyempurnaan jenazah yang merangkumi mandi, kafan, solat jenazah, khidmat van jenazah dan bacaan talkin(jika UA menguruskan tanpa khidmat agen pengurusan jenazah).

B. Sekiranya jenazah dikebumikan di negara asal si mati


1. Pegawai bertanggungjawab perlu menghubungi kedutaan dan mendapatkan perakuan atau persetujuan bertulis untuk membawa pulang jenazah ke negara asal.
2. Agen pengurusan jenazah yang dilantik akan menyediakan dokumen penghantaran jenazah ke luar negara (surat keranda, surat pengawetan, surat kargo).
3. Pakej lengkap perkhidmatan juga diuruskan oleh agen seperti urusan penyempurnaan jenazah (mandi, kafan, solat jenazah dan lain-lain).

C. Urusan selepas pengebumian

1. Pegawai bertanggungjawab menyediakan surat ucapan takziah kepada waris, menguruskan wang khairat pelajar/ pampasan insuran dan menguruskan pembayaran kepada agen.
2. Pihak fakulti/ pusat pengajian mengemaskini status rekod pelajar dan menentukan kelayakan pelajar untuk ijazah anumerta.

Carta Alir 3.1

Kematian Pelajar Antarabangsa di Dalam Negara



BAB 4

**PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR ANTARABANGSA
YANG MENINGGAL DUNIA DI LUAR NEGARA (BUKAN
NEGARA ASAL) SEMASA AKTIVITI RASMI UNIVERSITI
ATAU PERIBADI**

4.1 Kematian Pelajar Antarabangsa di Luar Negara (Bukan Negara Asal) Semasa Aktiviti Rasmi Universiti atau Peribadi


1. Menerima maklumat dan mendapatkan pengesahan kematian pelajar.
 - Maklumat diperolehi daripada pelbagai sumber
 - Pengesahan dibuat dengan kedutaan negara asal pelajar yang meninggal dan negara dilawati.
2. Semak data Pelajar
 - Semakan status pengajian pelajar, insuran, visa dan jenis aktiviti yang diikuti.
3. Memaklumkan kematian kepada Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPMs) JPT.
4. Semak sama ada Program rasmi dijalankan oleh Pusat Pengajian/ Fakulti/ Kolej kediaman/ desasis
 - Hubungi Penolong Pendaftar di Pusat Pengajian/ Fakulti untuk semakan.
5. Memaklumkan kedutaan Malaysia di negara yang dilawati oleh pelajar.
 - Menelefon dan menghantar e-mel kepada kedutaan Malaysia di Negara di mana pelajar meninggal.
6. Memaklumkan berita kematian pelajar kepada Kementerian Luar (Wisma Putra).
 - Menelefon dan e-mel kepada Wisma Putra.
 - Memaklumkan kedutaan negara asal pelajar di Malaysia.
 - Menelefon dan e-mel kepada kedutaan tersebut.
 - Memaklumkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
7. Mengambil maklum keputusan hasil daripada kedutaan negara asal pelajar yang menghubungi keluarga bagi mendapatkan persetujuan sama ada jenazah dibawa balik atau dikebumikan di negara yang berlaku kematian.
 - Memohon pihak kedutaan untuk memberikan e-mel kepada pihak Universiti.
8. Menyediakan dokumen sokongan bagi pengesahan pelajar tersebut jika perlu.
 - Sediakan sekiranya ada permohonan daripada pihak berwajib.
9. Mengambil maklum proses penghantaran jenazah ke negara asal diuruskan oleh kedutaan negara asal pelajar atau dikebumikan di negara di mana pelajar tersebut meninggal.
10. Memberikan khairat kematian/ surat takziah kepada waris pelajar.
 - Mendapatkan maklumat bank waris sah pelajar.
 - Melaksanakan urusan transaksi wang khairat kematian.
 - Menghantar surat takziah yang telah ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor, HEPA/ HEMA/ HEP melalui pos atau emel (Salinkan (CC) kepada MOHE)

11. Memaklumkan kelab dan persatuan pelajar antarabangsa di Institusi.
 - Memaklumkan melalui telefon dan email kepada persatuan untuk persatuan melaksanakan hebahan dan sebagainya.
12. Mengembalikan barang-barang peribadi pelajar kepada waris pelajar.
 - Mengumpul semua barang peribadi pelajar dan dipos kepada keluarga pelajar.
13. Menguruskan wang pampasan/ insurans/ dokumen sokongan daripada pihak kedutaan kepada waris pelajar sekiranya ada.
 - a. Menyedia dan menghantar dokumen yang diperlukan oleh pihak insuran.
 - b. Mendapatkan laporan pembayaran wang tuntutan insuran kepada ahli keluarga.

ATAU

 - a. Menyediakan dokumen yang diperlukan oleh pihak insuran.
 - b. Menerima wang tuntutan insuran ke akaun pihak Bendahari Universiti.
 - c. Melaksanakan transaksi kepada akaun waris pelajar yang meninggal.
14. Kemaskini status pelajar.
 - Kemaskini sistem maklumat pelajar
 - Semak untuk kelayakan status anumerta

Carta Alir 4.1
Kematian Pelajar Antarabangsa di Luar Negara (Bukan Negara Asal) Semasa Aktiviti Rasmi Universiti atau Peribadi



LAMPIRAN 1**DIREKTORI SYARIKAT PENGURUSAN JENAZAH DI MALAYSIA**

Bil	Nama Syarikat	Alamat/Emel/ Faks/ No Tel/Website	Jenazah yang diuruskan	Negara Liputan
1	Syarikat Pengurusan Jenazah FIQRAH	D-02-05, Taman Impian Baiduri, Seksyen 51A, Jalan 224, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan Emel : zahiddaim@yahoo.com En. Zahid : 0129642994 SMS HOTLINE : 010 8874 676 En. Zulkifli 017-3702318, 016-3753715 Website : https://fiqrah2u.wordpress.com/	Islam dan Bukan Islam	Seluruh Dunia
2	BUMIJEZ Sdn. Bhd. (Darul Jenazah)	No 2-21 Jalan Pju 1a/3j Taipan Damansara 1 Ara Damansara 47301 Petaling Jaya, Selangor Email : djenazah@gmail.com Hotline : 1-800-88-6887 Tel: 0129696066 Website : http://daruljenazah.com.my/	Islam dan Bukan Islam	Seluruh Dunia
3	MyKhairat Management Services Sdn. Bhd.	No. 3-2 Jalan Pekaka 8/2, Seksyen 8 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Email : info@mykhairatservices.com.my Tel : 03-6150 8884 / 8885 / 8886 Hotline 24 jam : 1300 80 8848 Website : http://mykhairatservices.com.my/	Islam Sahaja	Seluruh Dunia
4	MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. (MyAngkasa Mukmin)	No. 3-2 Jalan Pekaka 8/2, Seksyen 8 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Emel : info@myangkasamukmin.com Tel : 03-6150 8884 / 8885 / 8886 Hotline 24 jam : 1300 80 8848 Website : https://myangkasamukmin.com/	Islam Sahaja	Seluruh Dunia
5	M.I. Casket Sdn. Bhd.	012-2140427 No.12, Jalan Pahang Barat Off Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan	Islam dan Bukan Islam	Seluruh Dunia

LAMPIRAN 2

BAHAGIAN KONSULAR WISMA PUTRA DAN SENARAI KEDUTAAN ASING DI MALAYSIA

BAHAGIAN KONSULAR WISMA PUTRA

Bahagian Konsular Wisma Konsular	Tel : 03-88874310 /
Wisma Putra	03-88874271
	Fax : 03-88892923

SENARAI KEDUTAAN ASING DI MALAYSIA

Kedutaan Indonesia. No. 233 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. Tell : 03-2142 1354 Fax : 03-2141 7908/ 03-2142 3878	Kedutaan Vietnam. No.4, Persiaran Stonor, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2148 4036/ 2148 4534 Fax : 03-2148 3270/ 2141 4696
Kedutaan Amerika Syarikat. No. 376, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur. Tell : 03-2168 5000	Kedutaan Switzerland. P.O. Box 12008. 50764, Kuala Lumpur. Tell : 03-2148 062
Kedutaan Singapura. No. 209, Jalan Tun Perak, 50400, Kuala Lumpur. Tell : 03-2161 6277 Fax : 03-2161 6343	Kedutaan Filipina. No. 1, Changkat Kia Peng, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2148 9988
Kedutaan Pakistan. No.132, Jalan Ampang 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2161 8877 / 2161 1880 Fax : 03-2164 5958	Kedutaan Myanmar. No. 10, Jalan Mengkuang, Off Jln Rhu, 55000, Kuala Lumpur. Tell : 03-4256 0280/ 4257 0680 Fax : 03-4256 8320
Kedutaan Mexico. Menara Tan & Tan, Tingkat 22, No. 207, Jalan Tun Razak, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2164 6362	Kedutaan Mauritius. Lot W17-B1 & C1, Tingkat 17, West Blok, Wisma Selangor Dredging Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2163 6306 Fax : 03-2163 6294
Kedutaan Kazakhstan. Tingkat 6 (North Blok) The Amp. Walk, 218 Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2166 4144 Fax : 03-2166 7872	Kedutaan Jepun. No.11, Persiaran Stonor, Off Jalan Tun Razak, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03- 2142 7044 Fax : 03-2167 2314

Kedutaan Perancis. No.196, Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2053 5500 Fax : 03-2035 5010	Kedutaan Colombia. Business Suite 194-26-01, Level 26, U.O.A Centre, No.19, Jalan Pinang, Kuala Lumpur. Tell : 03-264 5488 Fax : 03-264 5487
Kedutaan China. No.229, Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2428 495 Fax : 03-2414 552	Kedutaan Chile. Tingkat 8, West Blok Wisma Selangor Dredging, No.142c, Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2616 203 Fax : 03-2622 219
Kedutaan Kanada. Tingkat 17, Menara Tan & Tan No. 207, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur. Tell : 03-2718 3333 Fax : 03-2718 3399	Kedutaan Cambodia. No.83/ JKR 2809, Lingkungan U-Thant, 55000, Kuala Lumpur. Tell : 03-457 1150 Fax : 03 - 457 1157
Kedutaan Brunei. Tingkat 8, Wisma Sin Heap Lee, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur. Tell : 03-2612 828 Fax : 03-2631 302	Kedutaan Afghanistan. Suite 6.06, North Blok, The Amp. Walk, 218, Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur. Tell : 03-2162 8897 Fax : 03-2162 8924
Kedutaan Sri Lanka. No.12, Jalan Keranji 2, Off Jalan Kedondong Ampang Hilir, Kuala Lumpur. Tell : 03-4256 8987/ 03-4257 1394 Fax : 03-4253 2497	Kedutaan Thailand. No.206, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Tell : 03-2148 8222/ 8350/ 2148 8420/ 2145 8004 Fax : 03-2148 6527/ 2148 6615
Kedutaan Uzbekistan. No.2, Jalan 12, Taman Tun Abdul Razak Ampang, Selangor. Tell : 03-4253 3406/ 2406 Fax : 03-4253 5406	Kedutaan Sudan. No.2 &2a, Persiaran Ampang Off Jln Rhu, Kuala Lumpur. Tell : 03-4256 9104/ 4252 5631 Fax : 03-4256 8107
Kedutaan Nigeria. No.85, Jalan Ampang Hilir, Kuala Lumpur. Tell : 03-4251 7843/ 4251 8512 Fax : 03-4252 4302	Kedutaan Nepal. Suite 13a-01, 13th A Floor, Wisma MCA, No.163 Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Tell : 03-2164 5934 / 2164 9653 Fax : 03-2164 8659

***Semua maklumat di atas adalah tertakluk kepada perubahan semasa. Sila rujuk laman web <http://www.kln.gov.my> untuk maklumat terkini.**

CONTOH SURAT UCAPAN TAKZIAH VERSI BAHASA MELAYU

Contoh 1 : Surat Ucapan Takziah Bagi Yang Beragama Islam Dalam Bahasa Melayu

Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni
Universiti Sains Malaysia
11800
PENANG
Tel : 04-653 8888
Email : dvc_stu@usm.my

Julai 2017

En. Hisham Shah Shaharuddin
123, Lorong Tiga
Taman Sri Bayu
95300 Sarikei
SARAWAK

Saya bagi pihak Universiti mengucapkan takziah kepada tuan sekeluarga di atas kembalinya ke rahmatullah ankanda tercinta, Allahyarham Alman Alwi Hisham. Semestinya , seluruh warga Universiti ini turut merasai kehilangan seorang pelajar yang hebat seperti beliau.

Sememangnya Allahyarham terkenal sebagai seorang pelajar yang dihormati serta sangat disenangi oleh rakan-rakan serta banyak membantu dalam pencapaian di pusat pengajian/ fakulti dan universiti amnya.

Seluruh warga Universiti mendoakan semoga Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dan ditempatkan dalam kalangan roh orang beriman. Kami juga mendoakan semoga Allah S.W.T menganugerahkan kesabaran kepada tuan sekeluarga dalam menghadapi ujian ini dan sentiasa berada dalam kesejahteraan. Al Fatihah.

Tandatangan
Nama }
Dalam tulisan tangan

LAMPIRAN 3**CONTOH SURAT UCAPAN TAKZIAH VERSI BAHASA MELAYU****Contoh 2: Surat Ucapan Takziah Bagi Yang Bukan Beragama Islam Dalam Bahasa Melayu**

Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein
 Timbalan Naib Canselor
 Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni
 Universiti Sains Malaysia
 11800
PENANG
 Tel : 04-653 8888
 Email : dvc_stu@usm.my

Julai 2017

Low Keat Cheah
 Lot.6, Lintang Bayan
 Taman Bayan Indah
 14300 Nibong Tebal
PULAU PINANG

Pihak Universiti seluruhnya ingin mengucapkan takziah dan berkongsi kesedihan tuan dan keluarga atas kepergian anakanda tuan yang tercinta, mendiang Vincent Cheah. Semestinya, seluruh warga Universiti ini turut merasai kehilangan seorang pelajar yang hebat seperti beliau.

Vincent Cheah merupakan seorang pelajar yang sangat dihormati oleh rakan taulan serta banyak membantu dalam pencapaian di pusat pengajian/fakulti dan amnya Universiti.

Dalam doa, semoga tuan dan seluruh ahli keluarga diberikan kekuatan dan cekal dalam menghadapi saat-saat sukar ini. Diharapkan semangat dan kenangan bersama mendiang akan terus menguatkan hati dan memberi kedamaian pada jiwa kita bersama.

Semoga masa yang bakal berlalu pergi mampu meredakan kesedihan yang dihadapi oleh pihak tuan dan keluarga. Salam takziah, seikhlasnya.

Tandatangan



Dalam tulisan tangan

Nama

CONTOH SURAT UCAPAN TAKZIAH VERSI BAHASA INGGERIS

Contoh 1: Surat Ucapan Takziah Bagi Yang Bukan Beragama Islam Dalam Bahasa Inggeris

Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein
Deputy Vice-Chancellor
Student Development Affairs & Alumni
Universiti Sains Malaysia
11800
PENANG
Tel : 04-653 8888
Email : dvc_stu@usm.my

July 2017

Mr. Hisham Shah Shaharuddin
123, Lorong Tiga
Taman Sri Bayu
95300 Sarikei
SARAWAK

This University is a lesser place after the tragedy which caused the life of your son, Alman Alwi Hisham to meet his creator; Allah SWT.

I, on behalf of Universiti Sains Malaysia would like to extend our heartiest condolence to you and family.

Your son was a great student known to us and his contribution towards the University will always be remembered. It is a privilege to those who had the opportunity to know him. We pray that you are given strength during this difficult moment and may time ease the burden of this loss to you and your family.

May your son's spirit and his memories with you and family keeps you strong and at peace. We offer our sincere prayer to your son and may Allah SWT bestowed upon his soul forgiveness and be granted with His Jannah along with those whom are blessed. Al-Fatihah.

SIGNATURE
NAME

Written in handwriting of the sender

CONTOH SURAT UCAPAN TAKZIAH VERSI BAHASA INGGERIS

Contoh 2: Surat Ucapan Takziah Bagi Yang Bukan Beragama Islam Dalam Bahasa Inggeris

Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein
 Deputy Vice-Chancellor
 Student Development Affairs & Alumni
 Universiti Sains Malaysia
 11800
PENANG
 Tel : 04-653 8888
 Email : dvc_stu@usm.my

July 2017

Low Keat Cheah
 Lot.6, Lintang Bayan
 Taman Bayan Indah
 14300 Nibong Tebal
PULAU PINANG

It is of our deepest sorrow upon demise of your loving son, Vincent Cheah. Surely, this University is a lesser place without such a great student with us.

Vincent Cheah was a highly respected student among his friends and has helped in a lot of achievement of his school/faculty and the University.

We pray, you and the family is given strength during this difficult time and may his spirit and memories keeps the heart at peace and soulful.

I offer myself on behalf of the University to provide help and assistance with my utmost capability. I hope, passing time will ease the burden of your sorrow and surely your beloved son will be missed by all. Our deepest condolence, sincerely.

SIGNATURE

NAME



Written in handwriting of the sender

CONTOH DOKUMEN DAN BORANG PERMOHONAN KE LUAR NEGARA
BAHAGIAN HAL EHWAL PEMBANGUNAN PELAJAR & ALUMNI

1. NAMA PERTUBMAKLUMHAN/PUSAT TENTANG PROJEK: MELAWAT KE LUAR NEGARA PENGAJIAN

2. NEGARA HENDAK DILAWATI : _____

3. TARIKH LAWATAN : _____

4. NAMA PROJEK : _____

5. TEMPAT-TEMPAT LAWATAN (serta tarikh) : _____

6. CARA PERJALANAN : _____

(Nyatakan juga sama ada melalui agensi pelancungan, urusan sendiri dan lain-lain)

7. TEMPAT PENGINAPAN (hotel/YMCA dan lain-lain) : _____

8. PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

i. Nama : _____ iv. Kursus: _____

ii. No. Kad Pengenalan : _____ v. Tahun Pengajian : _____

iii. Alamat Rumah : _____ vi. Jawatan : _____

vii Email & Tel No: : _____

9. AHLI-AHLI ROMBONGAN

i. Peserta – Peserta Yang Pertama Kali Melawat Negara Berkenaan : _____ orang
(Lihat Lampiran A)

ii. Peserta – Peserta Yang Pernah Melawat Negara Berkenaan : _____ orang
(Lihat Lampiran B)

JUMLAH : _____ ORANG

LAMPIRAN 5**EPA.008**

PERMOHONAN KE LUAR NEGARA UNTUK MENYERTAI:

NEGARA :

TEMPAT YANG DILAWATI :

PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI :

SEMUA PESERTA YANG AKAN MENGIKUTI PROGRAM BERKENAAN:-

BIL.	NAMA PENUH	JANTINA	NO/KP	NO. MATRIK	NO. PASPORT	PUSAT PENGAJIAN	ALAMAT RUMAH	NO.TEL WARIS

LAMPIRAN 5**EPA.009****PERMOHONAN LAWATAN KE LUAR NEGARA
NEGARA :****PESERTA-PESERTA YANG TIDAK PERNAH MELAWAT NEGARA BERKENAAN**

BIL.	NAMA PENUH	JANTINA	NO/KP	NO. MATRIK	NO. PASPORT	PUSAT PENGAJIAN	ALAMAT RUMAH	NO.TEL WARIS

LAMPIRAN 5

EPA.010

PERMOHONAN LAWATAN KE LUAR NEGARA

NEGARA :

PESERTA-PESERTA YANG PERNAH MELAWAT NEGARA BERKENAAN

MAKLUMAT LAWATAN YANG LALU					
NAMA	TARIKH LAWATAN	TEMPAT- TEMPAT LAWATAN	TUJUAN LAWATAN	NO.PASPORT	CACATAN

**NOTA : SILA SERTAKAN DOKUMEN SEPERTI KERTAS KERJA ATAU SURAT JEMPUTANN
YANG TELAH DILULUSKAN**

PENUTUP

Merafak syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya usaha dan komitmen jitu dalam merencanakan perkhidmatan kebajikan kelas pertama semakin positif dengan pembikinan naskah seumpama ini. Naskah yang julung kalinya dihasilkan ini amat signifikan dengan usaha mapan para pentadbir universiti untuk menyeragamkan satu standard amalan berkesan di peringkat UA.

Buku Garis Panduan Pengurusan Jenazah Pelajar, Universiti Awam merupakan satu standard yang komprehensif dan kolektif bagi membantu Pentadbir di UA untuk mengurus selia apabila berlakunya insiden kehilangan nyawa pelajar sama ada kematian tersebut berlaku di premis UA atau di luar premis.

Besar harapan barisan penulis dan pembikin buku agar segala kaedah, peraturan, amalan dan padatan informasi melalui penghasilan buku yang mengandungi empat bab ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada para pentadbir universiti dalam menguruskan hal berkaitan kematian pelajar agar lancar dan sistematik.

Semoga penghasilan buku ini menjadi pemangkin kepada warga pentadbir UA agar terus komited mengenalpasti kaedah dan standard amalan terbaik di peringkat UA.

GLOSARI

STATUS PELAJAR	Status Pelajar – Taraf pelajar sebagai penuntut Universiti sama ada dalam mod aktif, menangguhkan pengajian, dikeluarkan atau lain-lain ketika kematian tersebut berlaku.
WAKIL UNIVERSITI	Mana-mana pegawai yang dilantikkan atau diarahkan untuk mewakili pihak Universiti yang tanggungjawab membantu dalam menguruskan perihal berkaitan kematian pelajar.
NAIB CANSELOR	Merupakan Ketua Pegawai Eksekutif atau ketua pentadbir bagi sesebuah Universiti.
TIMBALAN NAIB CANSELOR	Penolong Ketua Pegawai Eksekutif atau penolong ketua pentadbir sesebuah Universiti
WARIS PELAJAR	Ahli keluarga terdekat si mati sebagai contoh ibu bapa, adik-beradik, datuk dan sebagainya.
RAKAN SENEGERA	Sahabat handai atau kenalan si mati dari negara yang sama.

PENGHARGAAN

PENULIS

Harun Mohd	Mohammad Aizat Ismail
Muhammad Faiz Yusoff	Ahirunnisham Ahmad
Zulhairie Othman	Noorafnie Edura Ab Manaf
Muhammad Syukri Bin Sa'adon	Sam Faheeda Abdul Samad
Norsuhaila Sulong	Siti Maliani Abdullah
Faizah Ismail	Hafsa Mohd. Yusoff
Idamurni Ismail	Mohd Azmi Kasim
Zahrullail Ahmad	Jamaliah Jalil
Norhidayu Naharuddi	Siti Khadijah Mohamad
Azlina Ahmad Mubin	Moganeswary Muthusamy
Mohd Ilyas Soffian	Mohd Saad Din
Faradewi Bee A. Rahman	Adzmil Abidin
Firdaus Bazin	Norzita Nanyan
Hafiz Assad Zakaria	Mior Zulbahri M. Chek
Yusof Harun	Mohamad Nazrin Abdul Rahman
Zulkifli Che Hussin	Zamzami Rasidi
Azimin Dzulkarnaen Zulkiflee	Iswandi Abdul Mokmin

SENARAI PENYEMAK

Najwa Ahmad Zawawi	Osman Ahmad
Hafsa Mohd Yusoff	Mohd Sayuti Yahya
Abdul Haidy Abdul Hamid	Alifah Adnan
Ahirunnisham Ahmad	Hanis Johari
Mohd Hafiz Murneh	Muhammad Aizat Ismail
Azzah Abdul Latiff	Mohd Ilyas Soffian
Zainudin Mamat	Siti Khadijah Mohamad
Azlan Wanti	Faradewi Bee A.Rahman
Azlina Abdul Mubin	Jamaliah Jalil
Nor Zairina Zainal Abidin	Nurulazira Binti Abu Talip@Yusof
Tina Binti Mustafa	

PENGHARGAAN

JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA

Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)

Jabatan Pendidikan Tinggi

Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor

(Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

Universiti Malaya (UM)

Universiti Sains Malaysia (USM)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Universiti Putra Malaysia (UPM)

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Universiti Utara Malaysia (UUM)

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)


Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Jabatan Pendaftaran Negara

Polis Diraja Malaysia

Syarikat MyKhairat Sdn. Bhd.



GARIS PANDUAN
PENGURUSAN JENAZAH
PELAJAR
UNIVERSITI AWAM

KETUA EDITOR
NAZARUDIN ZAINUN

EDITOR
MOHD MUKHWIM MAGHRIBI
RAJA SALWATI RAJA OTHMAN
FAUZIAH ABDULLAH